

16/10/2000

Amaran kepada pendatang Filipina sokong Abu Sayyaf

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan akan merampas balik taraf kerakyatan pendatang Filipina di Sabah jika mereka didapati menyokong kumpulan Abu Sayyaf, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kalau mereka buat macam tu (menyokong Abu Sayyaf), kita boleh rampas balik kerakyatan," kata Perdana Menteri ketika mengulas laporan tentera Filipina merampas sebuah pasport 'Malaysia' yang dikatakan kepunyaan seorang pemimpin kumpulan Abu Sayyaf.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan penanaman pokok alaf baru dan merasmikan Taman Bukit Jalil di sini, beliau berkata mungkin orang yang dimaksudkan itu pernah tinggal di Sabah.

"Mungkin dia itu dulu duduk di Sabah, dia dapat pasport. Sekarang dah jadi pemimpin Abu Sayyaf, kita mana tahu. Kalau dia nak masuk Abu Sayyaf kita bukan nak boleh jaga. Kita tidak dapat pastikan siapa yang akan menjadi penjenayah," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin pendatang Filipina di negara ini akan pulang ke negara asal mereka jika keadaan di Selatan Filipina kembali aman.

"Kita suruh orang Filipina ini balik. Tapi Filipina tidak membuat persediaan untuk terima mereka. Kalau keadaan di selatan Filipina aman, saya yakin semua orang ini akan balik," katanya.

Mengikut Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR), ada kira-kira 50,000 pelarian Filipina mendapat perlindungan di Sabah, termasuk mereka yang diberi kebenaran bekerja di negeri itu.

(END)